

PEMULIHARAAN SUGANDOI DALAM RITUAL PEMUJaan SEMANGAT PADI MASYARAKAT KADAZANDUSUN DI SABAH

PETER HARYSON NIANTI,
Universiti Kebangsaan Malaysia
haryson85@gmail.com

MOHD YUSZAIDY MOHD YUSOFF*
Universiti Kebangsaan Malaysia
yuszaidy@ukm.edu.my

**Pengarang Pengantara*

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan mengenai cabaran dalam melestarikan *sugandoi* dalam ritual pemujaan semangat padi masyarakat Kadazandusun di Sabah. *Sugandoi* merupakan elemen seni tradisional masyarakat Kadazandusun di Sabah yang dikaitkan dengan bacaan *Rinait* (Mantera) yang menjadi komponen integral dalam ritual pemujaan semangat padi (*Bambarayon*). *Sugandoi* akan didendangkan oleh *Bobohizan* atau *Bobolian* (bomoh masyarakat Kadazandusun) dalam bentuk bait-bait mantera semasa upacara 'Moginakan'. Rasionalnya, upacara ini diadakan sebagai tanda kesyukuran atas nikmat yang diberikan oleh sang pencipta (Kinoingan). Objektif kajian ini untuk pemuliharaan *sugandoi* dalam ritual pemujaan semangat padi. Bagi mencapai objektif kajian, konsep pemuliharaan dijadikan panduan. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bersifat etnografi. Kaedah kajian lapangan dijalankan dengan menggunakan teknik pemerhatian dan penyertaan untuk mendapatkan data-data yang bersesuaian. Bagi menyokong data primer yang telah diperolehi, kajian literatur turut dijalankan bagi menghasilkan data bersifat sekunder seperti buku, jurnal, *Google Scholar* dan *Researchgate*. Data primer dan sekunder akan disaring menggunakan teknik analisis tematik. Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa *sugandoi* semakin dilupakan terutama generasi masa kini. Hal ini membuktikan tradisi lisan ini harus dipulihara sebagai kearifan tempatan masyarakat Kadazandusun yang bernilai dalam memberi keseimbangan antara kehidupan manusia dengan alam dan dunia spiritual. Sumbangan kajian ini penting sebagai pengetahuan baharu kepada generasi muda dan seterusnya dalam mempertahankan seni warisan masyarakat ini.

Kata Kunci: Bobohizan; Kadazandusun; pemujaan; ritual; Sugandoi;

THE PRESERVATION OF SUGANDOI IN RICE SPIRITS RITUAL AMONG THE KADAZANDUSUNS COMMUNITY IN SABAH

ABSTRACT

This paper discusses on the challenges of preserving *sugandoi* in ritual of rice spirit veneration practiced by the *Kadazandusun* community in Sabah. *Sugandoi* is an element of tradisional art of the *Kadazandusun* community, commonly related with the recitation of *rinait* (incantations), which forms an integral component of the rice spirit ritual (*bambarayon*). It is performed by the *bobohizan* or *bobolian* (Shaman) in the form of poetic chants during the *moginakan* ceremony. Rationally, this ritual is held as an expression of gratitude to the divine creator (*kinoingan*) for the blessings received. The objective of this study is to identify the aspects of *sugandoi* preservation as part of the rice spirit ritual practice. To achieve the objective of this study, the concept of cultural conservation is used as the analytical framework. The methodology used for this study is through qualitative ethnographic approach. Fieldwork is conducted through observation and direct engagement to collect relevant data. To support the primary data collected, a literature review is also carried out in order to produce secondary sources such as books, journals, Google Scholar and ResearchGate. Both primary and secondary data will be analysed using the thematically technique analysis. The findings revealed that *sugandoi* is increasingly being neglected, especially among the younger generation. This proved that the oral literature needs to be preserved as a form of local knowledge (*kearifan tempatan*) of the *Kadazandusun* community which is valuable in bringing balance between human life with nature and the spiritual realm. The contribution of this study is important as new knowledge for the younger generation and subsequently in defending the artistic heritage of this community.

Keywords: Bobohizan; Kadazandusun; worship; rituals; Sugandoi;

PENGENALAN

Masyarakat Kadazandusun merupakan kumpulan etnik terbesar di Sabah yang memainkan peranan penting dalam membentuk identiti budaya dan sejarah negeri ini. Etnik Kadazandusun membentuk satu per lima atau 19% daripada jumlah populasi di Sabah (Jabatan Perangkaan Malaysia, Sabah 2023). Masyarakat Kadazandusun sebahagian besar berasal dari Pantai barat Sabah seperti Penampang, Papar dan Kota Kinabalu, Tuaran, Tamparuli, Kiulu, Tenghilan dan Kota Belud serta di kawasan tanah tinggi seperti Ranau, Keningau dan Tambunan. Sebelum kedatangan agama monoteisme iaitu agama Islam dan Kristian, gaya hidup masyarakat Kadazandusun berakar pada kepercayaan animisme (Suraya, 2003) iaitu percaya terhadap kewujudan roh atau semangat dalam alam semula jadi seperti padi, sungai, gunung dan hutan.

Antara aspek yang paling menonjol dalam budaya masyarakat ini ialah sambutan *tadau kaamatan*, iaitu perayaan menuai padi yang diadakan setiap tahun untuk menyatakan kesyukuran kepada hasil bumi. Masyarakat ini mempunyai kepercayaan terhadap semangat padi ataupun *bambarayon* yang merupakan sumber makanan (Marlenny, 2014:27). Menurut cerita mitos masyarakat Kadazandusun mengenai lagenda *Huminodun* yang dikorbankan oleh ayahnya sendiri iaitu *Kinorohingan* demi kelangsungan hidup manusia menjadi kepercayaan masyarakat Kadazandusun turun-temurun. Hal ini menunjukkan penghormatan dan kebergantungan masyarakat terhadap semangat padi, yang mendorong mereka menyambut

perayaan *tadau kaamatan* setiap tahun sebagai lambang kesyukuran. Pelbagai aktiviti seni dan budaya ditonjolkan melalui perayaan ini dan yang menjadi tarikan utama adalah pertandingan *Unduk Ngadau* dan *Sugandoi Kaamatan*. *Unduk Ngadau* dan *Sugandoi Kaamatan* merupakan acara kemuncak dan dinanti-nantikan setiap tahun. Acara ini dikaitkan dengan adat memuja semangat padi melalui cerita mitos Kadazandusun iaitu *Huminodun* yang dikorbankan oleh *Kinoingan* telah bertukar menjadi semangat padi (Lee & Low, 2012).

Sugandoi merupakan salah satu bentuk nyanyian tradisional masyarakat Kadazandusun di Sabah yang memainkan peranan penting dalam seni budaya warisan etnik ini. *Sugandoi* yang juga merupakan antara tradisi lisan masyarakat Kadazandusun menjadi medium ekspresi yang kaya dengan unsur budaya, mitos dan cerita rakyat. Masyarakat Kadazandusun telah mewariskan tradisi ini dari satu generasi ke generasi seterusnya bagi memastikan khazanah budaya ini terus dipelihara dan dihargai. *Sugandoi* pada asal merupakan nyanyian *inait* atau mantera yang dinyanyikan oleh *bobohizan* semasa upacara pemujaan semangat padi (Benedict, 2003). Namun *Sugandoi* Kaamatan pada masa kini menjadi simbolik kepada kesinambungan dan penyempurnaan tradisi pemujaan semangat padi (Norisah, 2017).

Kajian ini memberi tumpuan kepada peranan dan kepentingan *Sugandoi* dalam ritual pemujaan semangat padi masyarakat Kadazandusun khususnya bagaimana ia berfungsi sebagai medium komunikasi spiritual dan manifestasi identiti budaya. Kajian ini penting kerana *sugandoi* bukan sahaja sebagai bentuk nyanyian tradisional namun mempunyai nilai simbolik yang menggambarkan hubungan manusia dengan alam dan kepercayaan kosmologi masyarakat Kadazandusun. Selain itu, kajian ini turut membincangkan cabaran serta usaha pemuliharaan warisan tradisi ini untuk memastikan kesinambungan amalan *Sugandoi* dan mengukuhkan penghargaan generasi masa kini terhadap warisan tradisi. Melalui kajian ini juga akan mencapai pemahaman yang lebih mendalam terhadap nilai simbolik dan warisan budaya sekaligus dapat memastikan warisan tradisi ini terus relevan sebagai identiti masyarakat Kadazandusun.

KAJIAN LITERATUR

Kajian ilmiah yang menyentuh tentang ritual pemujaan semangat padi masyarakat Kadazandusun agak terhad. Penulisan terawal yang menyentuh tentang ritual pemujaan semangat padi masyarakat Kadazandusun dilakukan oleh Hanafi Hussin (2003), manakala penulisan terakhir oleh Ick Ellyrenzine dan Low Kok On (2021). Sepanjang 18 tahun tersebut, terdapat lebih kurang 19 penulisan yang menyentuh tentang ritual dan subjek seperti sejarah, struktur dan peranan. Daripada kajian-kajian tersebut, hanya penulisan Norisah (2017) serta Rita dan Emilda (2021) yang menggunakan istilah *sugandoi* sebagai elemen dalam ritual pemujaan semangat padi masyarakat kadazandusun. 17 penulisan lain hanya menggunakan istilah *rinait* atau mantera. Walau bagaimanapun, bahagian ini hanya mengupas penulisan-penulisan lepas tentang struktur dan peranan yang selari dengan objektif artikel ini. Penulisan lepas tersebut adalah Hanafi Hussin (2007), Minah Sintian (2012), Marlenny Deenerwan (2014), Norisah Pirin (2017), serta Rita Lasimbang dan Emilda Evon (2021).

Penulisan Hanafi (2007) membincangkan pandangan dunia (*worldview*) dan kepentingannya dalam kehidupan komuniti Kadazan di Penampang, Sabah. Hanafi melaksanakan penyelidikan menggunakan reka bentuk kajian kualitatif melalui pendekatan etnografi untuk memahami pandangan dunia bagi komuniti Kadazan secara tradisional. Kajian ini turut melibatkan analisis terhadap mantera sebagai puisi simbolik yang mencerminkan cara hidup, struktur kepercayaan dan nilai-nilai budaya masyarakat Kadazan. Teori *Worldview* oleh Kearney, Michael (1988) serta konsep *make-belief* dan *efficacy* turut digunakan dalam kajian ini. Hasil kajian ini mendapati pembentukan pandangan dunia masyarakat Kadazan

kebanyakannya didasari oleh mitos yang disampaikan oleh pencipta kepada manusia melalui *inait* yang disampaikan oleh *Bobohizan*. Penulisan Hanafi menyentuh tentang ritual dalam pemujaan semangat padi secara umum dan tidak menyatakan tentang salah satu elemen ritual iaitu *sugandoi*.

Seterusnya, Marlenny (2014) melalui penulisan dalam buku “Bobolian: Seni Teater Etnik Dusun” turut membincangkan struktur *Sumalud* dalam Bahasa Dusun yang bermaksud “sembahyang untuk padi” atau dalam istilah lain pemujaan semangat padi. Kajian menggunakan reka bentuk gabungan kualitatif iaitu analisis teks ritual, dokumentasi budaya dan pengamatan lapangan beserta teori antropologi serta drama etnik. Penulisan juga tertumpu kepada pendekatan-pendekatan yang dikemukakan oleh ahli teori seperti Aristotle, Victor Turner, Andrew Van Gennep, Peter Brooke, Richard Schechner dan lain-lain serta menyebut pandangan Constantin Stainslavsky serta George Bernard Shaw apabila dikaitkan dengan penampilan aktor. Dapatan kajian tersebut, upacara *sumalud* dimulakan mengikut aturan ritual iaitu *monupih* (mantera pembukaan salam perdamaian kepada semua makhluk), *monodiato* (mantera puji-pujian kepada tanaman), *monoriuk* (mantera memohon kesejahteraan tanaman dan pemiliknya) dan *manalu-talu* (mantera penutup meminta padi dan manusia sihat dan subur). Persamaan penulisan Marlenny dan artikel ini adalah menekankan kepentingan tradisi lisan dan ritual masyarakat Kadazandusun sebagai medium komunikasi spiritual dan warisan budaya yang signifikan. Walau bagaimanapun, fokus kajian Marlenny menumpukan *bobolian* sebagai seni teater ritual manakala artikel ini menekankan fungsi dan cabaran pelestarian *sugandoi* iaitu sastera lisan dalam pemujaan semangat padi.

Rita dan Emilda (2021) melalui penulisan memberi tumpuan terhadap struktur, makna dan tujuan dalam seni menyampaikan *sugandoi*. Penyelidikan asas yang dibuat adalah melalui penelitian petikan puisi *sugandoi* yang diwarisi daripada nenek moyang. Dapatan kajian ini adalah, *Sugandoi* sebagai salah satu sastera lisan masyarakat Kadazandusun yang unik dan klasik berbentuk puisi berirama tanpa iringan muzik. *Sugandoi* terdiri daripada rangkap-rangkap yang mengandungi persamaan dari segi bunyi suku kata yang lazimnya terdapat rangkap pembayang dan maksud (dalam bahasa kiasan) pada rangkap akhir. Penulisan ini mempunyai persamaan dengan artikel ini dari segi kajian struktur dan makna petikan puisi *sugandoi* namun berbeza dari segi fokus kajian memandangkan artikel ini lebih menumpukan cabaran dan pendekatan pemuliharaan *sugandoi* dalam ritual pemujaan semangat padi.

Menerusi penulisan Minah (2012) memberi tumpuan terhadap pengamal dan *rinait* atau mantera dalam kalangan masyarakat Kadazandusun yang turut dibandingkan dengan mantera masyarakat lain di Nusantara. Penyelidikan ini dibuat menggunakan kaedah kualitatif berbentuk tinjauan deskriptif dalam meneliti fungsi dan peranan. Dapatan melalui penulisan ini ialah, *rinait* atau mantera merupakan bentuk puisi lisan mistik yang digunakan dalam pelbagai ritual tradisional masyarakat Kadazandusun. Penggunaan Bahasa yang sangat tinggi nilai sasteranya iaitu klasik, puitis dan penuh simbolisme. Bacaan *rinait* yang diketuai oleh *Bobolian* atau *Bobohizan* berfungsi untuk penyembuhan penyakit, perlindungan dan pemujaan tanah, menghalau roh jahat, kesuburan padi serta pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pembantu bobolian dan orang awam. Penulisan Minah lebih kepada menjurus kepada perbandingan dan tidak menyatakan cabaran serta pemuliharaan tradisi lisan *Sugandoi*.

Norisah (2017) dalam tesis sarjananya hanya menyentuh secara ringkas tentang perkaitan *sugandoi* dengan bacaan *inait* (mantera) semasa pemujaan semangat padi. Melalui pendekatan sejarah dan etnosejarah, Norisah cuba memahami pelbagai peristiwa dengan merujuk kepada unsur, tempat, waktu, objek, latar belakang dan pelaku serta digabungkan dengan kajian budaya. Kajian tersebut mendapati *sugandoi* merupakan lagu-lagu kerohanian dan pemujaan yang dinyanyikan oleh *Bobohizan* semasa upacara pemujaan semangat padi. *Bobohizan* menjadi penghubung di antara alam nyata dengan alam gahib (Arena Wati, 1978:10)

yang berkomunikasi melalui *sugandoi* atau *inait*. Selain itu, pertandingan *sugandoi kaamatan* dijadikan sebagai simbolik kepada kesinambungan dan penyempurnaan tradisi upacara pemujaan semangat padi yang diadakan setiap bulan Mei sempena sambutan Tadau Kaamatan. Walaupun menyentuh tentang objek kajian iaitu *Sugandoi*, penulisan Norisah tidak menyatakan cabaran dan pemuliharaan dalam tradisi lisan ini

Berdasarkan sorotan lepas ini, dapat dirumuskan bahawa meskipun terdapat usaha pendokumentasian dan beberapa kajian serta penelitian sama ada secara menyeluruh atau secara ringkas tentang pemujaan semangat padi iaitu *bambarayon*, peranan *sugandoi* atau *rinait* (mantera) dalam ritual tersebut masih kurang diberikan perhatian dalam wacana akademik. Maka, kajian ini dilaksanakan bagi mengisi kelompongan tersebut dengan memberikan tumpuan khusus terhadap aspek pemuliharaan *Sugandoi* sebagai jambatan antara tradisi, spiritualiti dan identiti budaya masyarakat Kadazandusun dalam konteks masa lalu dan masa kini.

UPACARA RITUAL SUGANDOI DAN MASYARAKAT KADAZANDUSUN SABAH

Ritual pemujaan semangat padi mempunyai peranan dalam memanifestasikan hubungan antara manusia dengan semangat dalam bentuk sajian makanan, minuman, seni muzik dan tarian (Hanafi, 2007). Oleh itu, upacara yang berlaku dalam pemujaan semangat padi perlu dijalankan dengan cara yang tertib, sopan dan lemah lembut bagi memastikan semangat padi atau *Bambazon* akan kekal dan dihindari dari musuh-musuh yang cuba mendekatinya. Biasanya, fasa upacara pemujaan semangat padi bagi masyarakat Kadazandusun melibatkan tiga peringkat utama iaitu sebelum menuai, semasa menuai dan selepas menuai. Namun berbeza dengan masyarakat Kadazandusun di Membakut yang hanya melibatkan dua fasa sahaja (Norisa, 2017). Setiap fasa upacara tersebut akan melibatkan aturan-aturan dan bacaan mantera atau *inait* yang akan dipimpin oleh *Bobohizan*. Penulisan Marlenny (2014) menjelaskan upacara ritual yang dijalankan melibatkan tiga proses utama iaitu sebelum, semasa dan selepas.

Sebelum Upacara

Lazimnya, sebelum upacara dimulakan *Bobohizan* atau *Bobolian* akan memaklumkan kepada tuan rumah tentang persiapan yang perlu dilakukan. Bahan-bahan yang perlu disediakan adalah berbentuk sajian seperti nasi yang dibungkus dalam daun, beras, ikan masin, ayam serta peralatan seperti sebatang buluh panjang dan gelas berisi air yang diperbuat daripada bambu. Penyediaan bahan ini bertujuan sebagai alat upacara dan persembahan yang digunakan *Bobohizan* dalam ritual. *Bobohizan* atau *Bobolian* pula akan membawa peralatan sendiri yang biasanya digunakan dalam mana-mana upacara ritual pemujaan semangat padi seperti *Komburogoh* dan *Gending*. Alat ini digunakan sebagai pembantu ritual untuk berhubung dengan alam spiritual dan seterusnya sebagai semangat pelindung kepada masyarakat Kadazandusun (Marlenny, 2014:39). Kebiasaanya *Bobohizan* mengenakan pakaian tradisi atau yang berwarna hitam serta kain penutup kepala.



GAMBAR 1. *Komburongoh* yang diperbuat daripada sejenis tumbuhan yang dipanggil jerangau sebagai alat penghubung dengan alam spiritual.


Sumber: <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/05/57425/pesta-kaamatan-tingkat-hasil-padi>

Sekumplan *Bobolian* akan bergerak ke sawah padi bersama dengan tuan rumah sambil melakukan ritual tertentu seperti menyanyi dan menari untuk menyeru semangat *bambarayon* (semangat padi). Walau bagaimanapun, perlakuan tersebut tidak wajib melainkan sebagai mengisi masa perjalanan ke lokasi.

Semasa Upacara

Semasa upacara dijalankan peralatan-peralatan ritual disediakan akan diletakkan di tempat yang sama dan akan dibacakan mantra untuk memberkati bahan-bahan yang digunakan. Marlenny (2014:42) menjelaskan aturan dalam ritual sumulud iaitu sembahyang untuk padi bagi masyarakat dusun di kampung Bundu Tuhan mempunyai aturan-aturan ritual yang perlu dipatuhi iaitu *monupih* (mantra pembukaan), *monodiato* (doa puji-pujian kepada tanaman), *monoriuk* (bacaan doa meminta kesejahteraan kepada tanaman dan pemiliknya) dan *manalu-talu* (doa penutup meminta padi dan manusia sihat dan subur).

Aturan-aturan dalam upacara Ritual Sumulud



RAJAH 1. Aturan-aturan dalam Upacara Ritual Sumulud

Marlenny Deenerwan (2014:41)

i. Monupih

Monupih yang merupakan mantera pembukaan dalam upacara ini yang bertujuan untuk menyampaikan salam perdamaian kepada semua makhluk. Ia juga bertujuan memohon perlindungan daripada Kinorohingan serta menghalau gangguan tanaman padi.

Mantera:

*Isupi ku Komburongo
Iburo ku Rinongkian
Isupi kum posirido
palandako do dila
Posirido do munung.*

Terjemahan:

*Salam kepada komburongo
Dengan izin Rinongkian
Saya memulakan pemujaan
Membaca mantera sehingag selesai
Demi kesejahteraan dan kemakmuran
Membersihkan seluruh ladang/ bendang.*

ii. Monodiato

Aturan kedua ini berupa bacaan doa puji-pujian kepada tanaman. Kandungan doa ini adalah memohon kesuburan tanaman padi dan hasil tuaian yang banyak demi kesejahteraan manusia yang menanamnya.

Mantera:

*Gorit sundait dila
Garung sundipon munung
Irad poh mongabai abai
Eyo ph mogodsung odsung.*

Terjemahan:

*Semoga kuman dan syaitan
Berpindah dengan hormat
Secara berduyun-dyun
Ku puja semangat padi.*

iii. Monoriuk

Monoriuk yang merupakan aturan ketiga merupakan bacaan doa meminta kesejahteraan kepada tanaman dan pemiliknya.

Mantera:

Soriuk ku sunduan

*Sokundayo ku lodunan
Sunduan ku manamparai
Lodunan ku monombild.*

Terjemahan:

*Ku puja semangat padi
Agar tuaian dibawah ke rumah
Dengan hasil berganda
Dengan tuah yang baik.*

iv. Manalu-talu (monuhut-suhut)

Aturan terakhir dalam ritual ini sebagai doa pentup untuk memohon padi dan manusia sentiasa sihat dan subur.

Mantera:


*Halo noh dayang longkigo
Iso no rundik bunsolo
Miwoyo do Komburongo
Mintanud do Rinongkian
Miulit di pokotiru
Kibinabo basung basung
Kitinakom kinolitung
Sinuangan do sunduan
Do sunduan diti parai
Lodunan diti bilod
Potutungo doho hiti
Oh sunduan diti parai.*

Terjemahan:

*Dayang Longkigo sudah muncul
Beriringan dengan Bunsolo
Disusuli oleh Komburongo
Bersama Rinongkian
Bersama Bambarayon
Datang memberkati tanaman
Membawa 'basung kinolitung
Berisi semangat padi
Bersama tuah
Tuangkan di sini
Wahai semangat padi.*

Selepas Upacara

Selepas upacara selesai di sawah padi, bobolian akan melaksanakan ritual di rumah pemilik sawah untuk melengkapkan proses pemujaan semangat padi (*Sumalud*).



RAJAH 2. Proses ritual melengkapkan *Sumalud* yang dijalankan di rumah pemilik sawah padi

Lazimnya, upacara seumpama ini akan diakhir dengan satu pesta sebagai tanda kesyukuran masyarakat Kadazandusun kepada kinorohinganatas rezeki dan keamanan. Tarian sumazau dan alunan muzik tradisi akan dimainkan sehingga larut malam dan ada yang berterusan sehingga sehari-hari lamanya. Sambutan Tadau kaamatan sebagai simbol kesyukuran atas keberhasilan dalam menyeru *bambarayon* dan dirai oleh seluruh masyarakat Kadazandusun di peringkat negeri dan seterusnya di peringkat kebangsaan.


METODOLOGI PENYELIDIKAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan pendekatan etnografi. Pendekatan ini digunakan untuk memahami secara lebih mendalam amalan Sugandoi dalam ritual pemujaan semangat padi dalam konteks budaya masyarakat Kadazandusun. Melalui pendekatan ini juga memberi penekanan pemerhatian secara langsung terhadap kehidupan masyarakat termasuk kepercayaan, nilai dan makna simbolik di setiap amalan budaya. Kajian ini dijalankan di Penampang, Sabah yang menjadi pusat utama budaya dan tradisi Kadazandusun, termasuk amalan *Bobohizan* yang masih diamalkan dan diwarisi secara turun-temurun. Antara kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah melalui Teknik Pemerhatian terhadap pelaksanaan *Sugandoi* untuk melihat secara langsung proses, simbol dan interaksi sosial yang berlaku semasa upacara dijalankan. Selain itu, Temu Bual Separa Berstruktur turut dijalankan terhadap individu yang terlibat dalam *Sugandoi* termasuk *Bobohizan* untuk pemahaman dalam konteks ritual dan penganjur pertandingan *Sugandoi* Kaamatan untuk perspektif hiburan pada masa kini. Soalan separa berstruktur digunakan untuk memberi ruang kepada informan berkongsi pengalaman dan pandangan secara bebas. Penulis juga mengambil peluang untuk turut serta dalam aktiviti komuniti untuk lebih memahami konteks budaya dan makna spiritual agar data yang diperolehi lebih bersifat autentik dan kontekstual.

Selain itu, bagi memperkukuh data primer dan memberikan konteks yang lebih luas, kajian kepustakaan turut dilakukan dengan merujuk kepada sumber sekunder seperti jurnal, buku, akhbar, kertas persidangan, majalah, makalah, tesis, dan laporan bercetak. Sumber sekunder ini memainkan peranan penting dalam memberikan latar belakang yang menyeluruh

dan memperluas pemahaman mengenai isu yang dikaji. Sumber-sumber ini mengandungi kajian-kajian terdahulu, teori-teori, atau analisis yang relevan, yang dapat membantu menyokong atau mengesahkan maklumat yang dikumpulkan daripada data primer. Rujukan dalam talian seperti *Google Scholar* dan *ResearchGate* merupakan salah satu usaha dalam memanfaatkan teknologi moden untuk mendapatkan bahan sekunder yang lebih banyak dan pelbagai untuk mengukuhkan lagi kualiti kajian. Sumber dalam talian ini juga menyediakan akses kepada artikel akademik dan penyelidikan terkini yang relevan dengan topik kajian, memastikan bahawa kajian itu berasaskan maklumat yang terkini dan sahih.

Setelah itu, data primer dan sekunder akan disaring melalui teknik analisis tematik bagi memastikan data yang diperoleh sesuai dengan keperluan kajian. Teknik ini adalah salah satu pendekatan yang sering digunakan dalam penyelidikan kualitatif untuk mengkaji dan mentafsirkan pola-pola yang muncul dalam data, sama ada data primer (yang diperoleh melalui temu bual, pemerhatian, atau kajian lapangan) atau data sekunder (yang diperoleh daripada sumber seperti jurnal, buku, laporan, atau sumber dalam talian). Antara tema yang dikemukakan oleh pengkaji adalah cabaran dan usaha pemuliharaan yang dikongsikan dalam dapatan dan perbincangan. Teknik analisis kandungan dan bacaan rapi bertujuan untuk memperoleh data-data yang sesuai untuk menjelaskan objektif yang perlu dicapai. Penelitian maklumat dilakukan agar dapat memberikan gambaran mengenai objektif kajian serta menjelaskan hasil kajian secara keseluruhannya.



RAJAH 3. Reka bentuk kajian melalui kaedah kualitatif

KONSEP PEMULIHARAAN

Warisan adalah satu peninggalan generasi terdahulu kepada generasi kini melalui hasil-hasil buatan tangan, pemikiran, falsafah dan kreativiti (Mohd Yuszaidy et., 2011). Ini menjelaskan bahawa warisan merupakan cara hidup masyarakat manusia meneruskan hidup dan mengubah suai mengikut situasi dan cabaran hidup. Warisan budaya boleh dibahagikan kepada warisan budaya ketara dan warisan budaya tidak ketara. Warisan budaya ketara boleh dikategorikan kepada dua bentuk iaitu statik dan mudah alih (Mohd Yuszaidy, 2011). Ia terdiri daripada gunung, sungai, masjid, candi, bangunan, monumen, pekan, makam, pantai, manuskrip, karangan-karangan lama dan baru diberi nilai tinggi oleh masyarakat, artifak sejarah dan pemuziuman yang tergolong dalam warisan tampak.

Mohd Yuszaidy (2018) menjelaskan bahawa warisan budaya tidak ketara adalah merujuk kepada kegiatan budaya yang merupakan cetusan idea dan hasil ciptaan melalui pengamatan terhadap alam untuk mengisi ruang kehidupan mereka. Warisan budaya tidak

ketara mewujudkan ketamadunan manusia yang berasaskan ilmu pengetahuan dan pengalaman hidup dalam pembentukan warisan turun-temurun yang menjadi ikon kepada generasi seterusnya.

“Warisan kebudayaan tidak ketara” termasuklah mana-mana bentuk ungkapan, bahasa, sebutan lidah, pepatah, lagu yang dihasilkan melalui muzik, not, lirik boleh didengar, nyanyian, lagu rakyat, tradisi lisan, puisi, muzik, tarian sebagaimana yang dihasilkan melalui seni pentas, persembahan teater, pengubahan bunyi dan muzik, seni mempertahankan diri, yang telah wujud atau wujud berhubung dengan warisan Malaysia atau mana-mana bahagian Malaysia atau berhubung dengan warisan masyarakat Malaysia;

Akta Warisan Kebangsaan (Akta 645), (2005:17)

Pemuliharaan warisan penting bagi memastikan kesinambungan identiti, jati diri dan kearifan tempatan sesebuah masyarakat dapat dikekalkan untuk kepentingan generasi akan datang (Mohd Fadzli Razali et. al, 2018). Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) menjelaskan pemuliharaan bukan sahaja menjaga fizikal warisan tetapi turut mengekalkan nilai dan makna budaya yang terkandung dalamnya. Proses ini membantu memperkukuh integrasi nasional melalui pengiktirafan kepelbagaian etnik, budaya dan tradisi yang membentuk masyarakat Malaysia. Tanpa pemuliharaan yang sistematik, warisan budaya khususnya warisan tidak ketara akan mengalami risiko kepupusan yang disebabkan arus pemodenan, perubahan gaya hidup dan kekurangan minat generasi muda terhadap tradisi tempatan.

Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) menjelaskan pemuliharaan terdiri daripada beberapa pecahan seperti pemeliharaan, pembaikpulihan, pembinaan semula, pemulihan dan penyesuaian atau mana-mana gabungannya. Dalam konteks kajian ini, pendekatan pemuliharaan yang paling relevan yang akan digunakan adalah pendekatan pengekalan (*preservation*). Tujuan utama pemuliharaan menerusi pendekatan pengekalan dalam kajian ini adalah untuk memastikan kearifan tempatan masyarakat Kadazandusun ini dapat diteruskan serta dikekalkan. Secara amnya, pendekatan ini digunakan untuk memahami subjek kajian ini dengan lebih mendalam. Secara tidak langsung usaha pengekalan ini memberikan pendedahan dan dinikmati oleh kepada generasi seterusnya berkaitan warisan mereka. Dapatan menunjukkan kepupusan budaya masyarakat Kadazandusun adalah disebabkan beberapa faktor tertentu seperti kurang mendapat sambutan dalam kalangan generasi muda, tidak menjana pendapatan, kesedaran komuniti dan kekurangan ahli pakar. Faktor-faktor inilah yang dikenalpasti dan dianalisis dalam dapatan kajian dalam usaha pengekalan warisan tidak ketara termasuklah upacara *Sugandoi* masyarakat Kadazandusun di Sabah. Kaedah ini adalah ulasan menyeluruh membincangkan mengenai bagaimana kepupusan itu boleh berlaku dan usaha dalam mengekalkannya agar terus dipraktikkan.

HASIL DAPATAN

Kajian mendapati *sugandoi* dalam ritual pemujaan semangat padi atau dikenali sebagai *rinait* memainkan peranan penting sebagai medium komunikasi spiritual antara alam manusia dan alam roh. *Sugandoi* bukan sahaja sekadar nyanyian tradisional tetapi seni sastra lisan yang mempunyai nilai sakral yang tinggi bagi masyarakat Kadazandusun. Pemimpin spiritual masyarakat ini yang dikenali sebagai *bobohizan* memainkan peranan penting sebagai penghubung alam manusia dengan alam roh. Upacara ritual seperti *moginakan* dan *sumulud* menjadi salah satu amalan tradisi masyarakat Kadazandusun yang menggunakan elemen *Sugandoi* untuk menzahirkan rasa kesyukuran terhadap hasil bumi. Lirik-lirik yang

diungkapkan juga adalah bertujuan untuk memastikan keseimbangan dan keharmonian antara manusia dengan dunia spiritual. Walau bagaimanapun, hasil temu bual dan pemerhatian menunjukkan fungsi spiritual *Sugandoi* semakin pudar terutama dalam kalangan generasi muda yang lebih melihat *Sugandoi* sebagai bentuk hiburan yang mengangkat lagu-lagu dalam Bahasa Kadazandusun, Murut dan Rungus (KDMR). Perkara ini menimbulkan persoalan terhadap kesinambungan dan kefahaman generasi kini terhadap warisan spiritual nenek moyang mereka.

Perbincangan seterusnya akan memberi fokus terhadap cabaran utama dalam melestarikan *Sugandoi* dalam ritual pemujaan semangat padi. Cabaran-cabaran yang diperincikan turut membawa kepada peranan pihak yang tertentu seperti organisasi bidang seni budaya, institusi pendidikan dan NGO Seni Budaya dalam pemuliharaan kearifan tempatan masyarakat Kadazandusun.



GAMBAR 2. Sekumpulan *Bobohizan* yang sedang menjalankan *sugandoi* dalam upacara ritual pemujaan semangat padi

Sumber: <https://www.youtube.com/watch?v=vAkAym6wT6M&t=5s>

PERBINCANGAN

Usaha untuk melestarikan *Sugandoi* yang merupakan seni budaya warisan masyarakat Kadazandusun menghadapi pelbagai cabaran. Kemajuan globalisasi yang semakin rancak menyebabkan pelbagai pengaruh budaya luar dan moden menguasai budaya tempatan. Ini sekaligus memberikan impak kepada generasi muda untuk memahami dan mencintai seni budaya warisan ini. Amalan ritual pemujaan semangat padi dianggap sebagai tidak berupaya untuk menjana sumber kewangan yang tetap memandangkan ia sekadar tanggungjawab budaya dan tidak bersifat komersial. Selain itu, kepentingan *Sugandoi* dalam masyarakat ini semakin kurang diambil perhatian memandangkan ia dilihat sebagai bentuk hiburan dan simbolik dalam ritual semata-mata. Cabaran ini semakin membimbangkan disebabkan jumlah pengamal dan ahli pakar seperti *Bobohizan* semakin berkurangan disebabkan faktor usia dan kekurangan pelapis muda untuk meneruskan kesinambungan amalan tradisi ini. Oleh itu, pendekatan pemuliharaan yang perlu dilaksanakan adalah melalui pendekatan pengekalan (*preservation*) untuk memastikan *Sugandoi* terus kekal, difahami dan akan diwarisi oleh generasi akan datang tanpa kehilangan bentuk asal, makna serta nilai spiritualnya. Melalui pendekatan ini usaha ditumpukan kepada peranan organisasi yang berkaitan, penglibatan komuniti secara

menyeluruh dan pendokumentasian. Ini akan memastikan *Sugandoi* bukan tidak hanya dipelihara sebagai simbol identiti masyarakat Kadazandusun namun akan kekal relevan dan dihargai pada masa akan datang. Perbincangan ini akan memperincikan cabaran-cabaran yang dinyatakan dan usaha yang harus dilaksanakan dalam melestarikan *Sugandoi* sebagai seni budaya warisan tradisi masyarakat Kadazandusun.

Kurang mendapat sambutan dalam kalangan generasi muda


Sugandoi yang sering dikaitkan dengan upacara ritual yang dijalankan oleh Bobohizan kurang mendapat perhatian oleh generasi muda. Kecenderungan terhadap muzik dan gaya hidup moden serta kepercayaan semasa menjadikan *Sugandoi* tidak lagi relevan. Kebimbangan berlaku terhadap kelangsungan amalan budaya tradisional ini yang bukan sahaja sebagai ekspresi spiritual tetapi sebagai warisan identiti dan pembentukan jati diri masyarakat Kadazandusun. Pelbagai inisiatif perlu digerakkan dalam menarik minat generasi pada masa kini untuk mempelajari dan seterusnya memahami *Sugandoi*. Antaranya melalui pendigitalan seperti arkib dalam talian dan dokumentasi pendek dalam media sosial. Selain itu, kolaborasi kreatif antara muzik moden dan tradisional juga boleh menjadikan *Sugandoi* dalam ritual pemujaan semangat padi lebih dekat dengan citarasa masa kini.

Temu bual bersama pengerusi pertandingan *Sugandoi Kaamatan* peringkat negeri Sabah, iaitu Evaristus (2024) menjelaskan penjenamaan semula pertandingan Bintang Kaamatan ke Pertandingan *Sugandoi Kaamatan* pada tahun 2015 telah menjadikan *Sugandoi* dilihat sebagai salah satu bentuk hiburan dan platform pencungkilan bakat. *Sugandoi Kaamatan* yang menjadi salah satu program utama dalam sambutan Tadau Kaamatan sangat popular dalam kalangan generasi muda.



GAMBAR 3. Para penonton yang membanjiri Dewan Hongkod Koisaan, KDCA bagi menyokong peserta pertandingan *Sugandoi Kaamatan* Peringkat Negeri Sabah 2025.

Sumber: Kajian Lapangan



GAMBAR 4. Juara Sugandoi peringkat negeri Sabah 2025, Kimberly Myra Terence yang bertanding di peringkat Daerah Beluran (gambar kiri) dan seterusnya mewakili daerah tersebut ke peringkat negeri Sabah (gambar kanan) di Hongkod Koisaan, KDCA, Penampang, Sabah pada 23 Mei 2025.
Sumber: Kajian Lapangan

Meskipun *Sugandoi* pada masa kini lebih dikenali dalam bentuk hiburan dan kontemporari, pemahaman mendalam terhadap fungsi dalam ritual perlu diambil perhatian. Kurangnya pendidikan berkaitan budaya akan menyebabkan fungsi tradisi semakin tenggelam oleh hiburan yang dipengaruhi budaya moden. Pemuliharaan tradisi melalui kerjasama organisasi berkaitan seperti penganjur Pertandingan Sugandoi peringkat negeri dengan Pertubuhan Bobolian Sabah (PSB) boleh dilakukan dengan memperkenalkan elemen-elemen tradisional dalam amalan pemujaan semangat padi. Elemen-elemen suci daripada ritual ini juga boleh dipersembahkan semula di pentas *kaamatan* khususnya semasa majlis perasmian atau pengisian program yang menunjukkan semangat cintakan amalan tradisi ini. Ini bagi memastikan generasi muda lebih memahami dan menghayati warisan seni budaya dan kearifan tempatan nenek moyang masyarakat Kadazandusun.

Tidak menjana kewangan/ sumber pencarian rezeki

Ritual yang dipimpin oleh *bobohizan* dilakukan atas dasar minat dan tanggungjawab budaya, bukanlah sebagai sebuah kerjaya yang memberikan sumber pendapatan yang tetap. Menurut Encik Adam M. Gontusan (2025), upacara-upacara ritual tradisional hanya akan dilakukan secara bermusim atau mengikut upacara yang diperlukan pada waktu-waktu tertentu. Beliau yang merupakan *bobohizan* yang termuda dan masih aktif di Penampang, Sabah sering dipanggil untuk memimpin ritual-ritual masyarakat Kadazandusun seperti *Miohon Pinsi* dalam adat tradisi perkahwinan yang bertujuan untuk memohon berkat dan restu serta ritual pemujaan semangat padi (*bambaazon*). Pembayaran *sogit* (upah) kepada Bobohizan biasanya dalam bentuk beras, padi, kain sarung, parang, ayam yang sudah dikorbankan atau masih hidup, daging khinzir (jika ada), duit (mengikut budi bicara klien), mangkuk kaca yang boleh diganti dengan wang, duit syiling yang dipanggil *pomukodou* dan lain-lain. Pembayaran berbeza-beza berdasarkan kepada upacara ritual yang dijalankan (Hanafi, 2003:27). Memandangkan ia bergantung kepada permintaan komuniti, Bobohizan tidak mempunyai peluang untuk memperoleh pendapatan secara berterusan melalui amalan tersebut. Keadaan ini menyebabkan amalan ini semakin terpinggir dalam masyarakat moden terutamanya dalam kalangan generasi muda yang lebih cenderung kepada pekerjaan ataupun tugas yang menjana pendapatan tetap dan gaya hidup yang urban.

Penglibatan komuniti dalam aktiviti-aktiviti ke arah memupuk kesedaran berkaitan pelestarian seni budaya warisan perlu dilakukan. Organisasi berorientasikan seni budaya komuniti seperti *Kadazandusun Cultural Association* (KDCA) bergerak aktif dalam memperkenalkan dan melestarikan kebudayaan masyarakat Kadazandusun. Program-program keilmuan seperti bengkel dan seminar yang melibatkan komuniti setempat perlu diperluaskan dalam meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan melestarikan seni budaya, seni sastra lisan masyarakat Kadazandusun seperti *sugandoi* sebagai medium warisan yang masih hidup dan relevan.



GAMBAR 5 Pusat Kebudayaan KDCA, Hongkod Koisaan, Penampang, Sabah
Sumber: CEphoto, Uwe Aranas

Sambutan *Tadau Kaamatan* yang disambut pada setiap bulan Mei jelas memperlihatkan kesedaran komuniti untuk mengetengahkan identiti mereka. Ia merupakan festival yang penuh dengan elemen budaya, adat resam, dan tradisi warisan yang diwarisi secara turun-temurun. Sambutan ini bukan sahaja melibatkan masyarakat Kadazandusun, tetapi juga disertai oleh pelbagai etnik lain di Sabah, menjadikannya simbol perpaduan dan identiti negeri ini. Perayaan Pesta Kaamatan melibatkan pelbagai program dan aktiviti yang menarik seperti persembahan kesenian dan kebudayaan, permainan rakyat, pameran dan demonstrasi kebudayaan serta pertandingan ratu cantik atau *Unduk Ngadau* dan pertandingan nyanyian *sugandoi Kaamatan*. *Unduk Ngadau* dan *Sugandoi Kaamatan* merupakan acara kemuncak dan dinanti-nantikan setiap tahun. Acara ini dikaitkan dengan adat memuja semangat padi melalui cerita mitos Kadazandusun iaitu *Huminodun* yang dikorbankan oleh *Kinoingan* telah bertukar menjadi semangat padi (Low & Lee, 2012).

Kesedaran komuniti

Masyarakat Kadazandusun pada masa kini kurang menyedari kepentingan *sugandoi* sebagai warisan sastra lisan tradisional yang diturunkan dari nenek moyang. *Sugandoi* dianggap sebagai tanggungjawab Bobohizan sahaja memandangkan ia digunakan sepenuhnya oleh pemimpin spiritual masyarakat ini dalam upacara ritual tertentu. Walau bagaimanapun, masyarakat awam boleh mempelajari *sugandoi* yang mempunyai tujuan yang baik contohnya lirik-lirik *sugandoi* yang memohon keberkatan hasil tanaman kepada sang pencipta (Minah, 2012).

Generasi muda khususnya tidak memahami nilai spiritual dan budaya yang terkandung dalam lirik dan penyampaian melalui *sugandoi*. Ia sering dianggap sebagai bentuk hiburan tradisi tanpa memahami kepentingannya *sugandoi* dalam konteks ritual. Kurangnya pendedahan dan pendidikan berkaitan budaya secara formal atau tidak formal menyebabkan kekurangan kesedaran tentang kepentingan *sugandoi* sebagai legasi adat. Pendokumentasian berkaitan *Sugandoi* juga adalah sangat terhad menyebabkan kesukaran untuk mendapatkan rujukan yang lengkap khususnya mengenai lirik, struktur nyanyian, makna simbolik serta konteks penggunaan dalam ritual pemujaan semangat padi masyarakat Kadazandusun.

Walau bagaimanapun, Rita & Emilda (2021) menjelaskan bahawa terdapat usaha-usaha untuk mendokumentasikan beberapa lirik *sugandoi* yang telah diwarisi orang tua-tua yang arif terdahulu. Antaranya melalui bengkel *sugandoi* yang dianjurkan oleh *Kadazandusun Language Foundation* (KLF) pada 9 Ogos 2021 bersempena Hari Orang Asal Sedunia 2021. Penghasilan Set CD Audio *sugandoi* dan buku lirik *sugandoi* menjadi salah satu langkah signifikan dalam mendokumentasikan sastera lisan ini agar dapat dijadikan rujukan pada masa akan datang. Pendokumentasian ini bukan saja melambangkan penghargaan nilai sejarah dan spiritual dalam *sugandoi* malah membuktikan masih ada masyarakat Kadazandusun yang mengambil perhatian dalam memelihara seni sastera lisan ini.



Gambar 6 Set CD Audio Sugandoi dan Buku lirik Sugandoi merupakan produk yang terhasil daripada bengkel Sugandoi yang telah dijalankan oleh KLF. Produk ini baru sahaja dilancarkan secara maya pada 9 Ogos 2021 sempena dengan Hari Orang Asal Sedunia 2021.

Sumber: koleksi penulis

Walau bagaimanapun, pendokumentasian perlu dipergiatkan terutama melibatkan para pengkaji budaya agar *sugandoi* bukan sahaja dapat dilihat dari segi liriknya namun turut mendalami setiap kata-kata sakral yang penuh simbolik. Kajian-kajian sebelum ini lebih banyak memfokuskan kepada struktur adat dan ritual secara keseluruhannya namun penumpuan khusus terhadap elemen *sugandoi* masih kurang. Oleh itu, kajian yang lebih holistik diperlukan bagi memahami dimensi bahasa, seni dan makna dalam *sugandoi*.

Kekurangan ahli yang pakar

Bilangan Bobohizan yang aktif semakin berkurangan dan kini kebanyakannya lebih dikenali sebagai simbol budaya dalam acara-acara seperti sambutan Tadau Kaamatan. Pengamal berpengalaman seperti Bobohizan yang mahir dengan struktur, lirik, irama dan makna simbolik *sugandoi* semakin berkurangan disebabkan faktor usia dan kekurangan pewaris. *Sugandoi* yang bersifat sastera lisan diwarisi secara turun temurun yang menjadikan pemindahan ilmu sangat terhad dan terdedah kepada risiko kehilangan.

Tambahan pula, Steven Boliku (2021) menjelaskan wanita dalam kalangan masyarakat Kadazandusun dan Murut masa kini lebih berdaya saing, berpendidikan tinggi serta memegang jawatan-jawatan penting dalam pelbagai bidang dan sektor pekerjaan. Perubahan ini menunjukkan anjakan peranan wanita daripada tradisi yang menumpukan tanggungjawab domestik dan komuniti kepada pembangunan sosial, ekonomi dan kepimpinan masyarakat. Oleh itu, pada masa kini Bobohizan yang kebanyakannya terdiri daripada kaum wanita hanya tinggal daripada generasi terdahulu yang lebih berusia dan mengalami kekurangan pelapis.

Dalam memastikan kebajikan dan kelestarian amalan nenek moyang yang dipraktikkan oleh Bobohizan, Pertubuhan Bobolian Sabah (PBS) telah ditubuhkan pada tahun 2016 dan didaftarkan dalam Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, persatuan yang bergerak secara sukarela ini mengalami kesukaran untuk melaksanakan program dan aktiviti yang melibatkan kewangan memandangkan matlamat penubuhannya bukan berorientasikan penjana pendapatan. Agensi kerajaan memainkan peranan penting dalam membantu persatuan-persatuan seni budaya seperti PBS agar matlamat dan objektif ke arah memelihara dan melestarikan warisan seni budaya akan tercapai melalui suntikan dana dan khidmat nasihat. Pewujudan ruang formal sebagai transisi ilmu pengetahuan khususnya sebagai kesinambungan warisan intelektual masyarakat Kadazandusun yang diturunkan secara lisan dan tidak sistematik adalah amat penting. Steven Boliku (2021) menjelaskan bagaimana pertubuhan ini berusaha membangunkan sekolah bobolian seperti yang telah diwujudkan di peringkat kampung seperti di Kota Marudu dan di Penampang, Sabah. Oleh itu, sokongan pelbagai pihak terutama agensi kerajaan dalam memberikan suntikan dana dan institusi Pendidikan dalam memberikan khidmat nasihat berkaitan pewujudan silibus pembelajaran.

Hasil dapatan kajian yang diperolehi daripada analisis jelas menunjukkan bahawa *sugandoi* perlu dipelihara dan diperkenalkan terutama kepada generasi muda. *Sugandoi* bukan sahaja sekadar bentuk nyanyian tradisional tetapi merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai spiritual, adat dan identiti budaya masyarakat Kadazandusun. *Sugandoi* yang juga merupakan sastera lisan tradisional masyarakat Kadazandusun memainkan peranan penting sebagai penghubung alam manusia dengan alam roh terutama dalam konteks ritual pemujaan semangat padi yang dipimpin oleh Bobohizan. Ia turut berperanan dalam menyampaikan doa, harapan serta falsafah hidup masyarakat tradisional. Bagi masyarakat Kadazandusun, elemen ini penting dalam memastikan keharmonian dan kesejahteraan hidup kerana ia mencerminkan keseimbangan antara manusia, alam sekitar dan roh nenek moyang yang mampu memberi perlindungan serta keberkatan.

KESIMPULAN

Sugandoi ialah sastera lisan tradisional masyarakat Kadazandusun yang memainkan peranan penting sebagai melambangkan identiti budaya dan warisan masyarakat Kadazandusun di Sabah. Ia mencerminkan hubungan spiritual antara manusia dan alam roh melalui bait-bait lirik yang mengandungi nilai sakral dan simbolik. Pemimpin spiritual masyarakat Kadazandusun iaitu Bobohizan adalah tokoh spiritual yang dihormati dan dipercayai kerana kebolehan mereka

dalam menghubungkan dunia manusia dengan alam roh serta memastikan keseimbangan rohani dan fizikal dalam komuniti. Bobohizan dianggap luar biasa kerana berkemampuan menzahirkan isi hati dan emosi melalui pengucapan kata-kata mistik yang penuh simbolik dengan menggunakan bahasa yang bermutu tinggi sehingga sukar untuk diterjemah menggunakan bahasa harian.

Namun, peredaran zaman telah menyebabkan *sugandoi* semakin dilupakan terutama dalam kalangan generasi muda. Perkembangan dunia moden telah menyebabkan perhatian terhadap usaha mempertahankan warisan nenek moyang semakin pudar. Oleh itu, usaha pemuliharaan melalui peranan organisasi atau badan-badan kebudayaan seperti Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Jabatan Warisan Negara, Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah amatlah diharapkan. Pendokumentasian dan seterusnya penglibatan komuniti juga berperanan penting agar *sugandoi* relevan selari dengan peredaran masa. Kajian ini memberi sumbangan terhadap pengetahuan baharu kepada masyarakat luar khususnya yang tidak mengetahui *sugandoi* dalam ritual pemujaan semangat padi dan seterusnya menjadi rujukan pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Arena Wati. 1978. *Peribumi Sabah: Satu Tinjauan dalam konteks Kepercayaan, Kultur dan Hukum Adat di Sabah*. Kota Kinabalu: Yayasan Sabah.
- Hanafi Hussin. 2003. Bobohizan dan peranannya di kalangan masyarakat Kadazan daerah Penampang, Sabah. *JATI*, 8, Disember, 15-40.
- Hanafi Hussin. 2007. Worldview dan Amalan: Pengalaman Kadazan Dataran Penampang, Sabah. *Borneo Research Journal* 1, 7-29.
- Hussin, H. 2007. Worldview dan Amalan: Pengalaman Kadazan Dataran Penampang Sabah. *Borneo Research Journal*. 1, 7-29. <https://borneojournal.um.edu.my/article/view/7764>
- Ick Ellyrenzine Linsap & Low Kok On. (2021). Tiga identiti komburongo dalam kepercayaan tradisional etnik Tobilung di Sabah. *Gendang Alam* 11 (2), November: 161-178.
- Jabatan Perangkaan Malaysia, Sabah. (2023). Buku Tahunan Perangkaan (*Statistics Yearbook*) Sabah 2023.
- Kearney, Michael. 1988. *Worldview*. (20d ed., pp. 41-107). Chamblor of Sharp Publisher Inc.
- Low, K.O., & Lee, Y.F. (2012). Investigating the relationship between Kadazandusun beliefs about paddy spirits, riddling in harvest-time and paddy-related sundait. *Malim: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 13, 71-97.
- Malaysia. 2005. *Akta Warisan Kebangsaan* (Akta 645), (2005:17).
- Marlenny Deenerwan. 2014. *Bobolian: Seni Teater Etnik Dusun*. Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Minah Sintian. 2012. *Mantera atau rinait Kadazandusun: tinjauan dalam aspek pengamal dan fungsinya dalam kehidupan*. Kertas Kerja Simposium Bahasa dan Budaya Iban dan Falklor Borneo/ Kalimantan, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Universiti Sains Malaysia, Sarawak, 2-4 November.
- Mohd Fadzi Razali, Badrul Redzuan Abu Hassan & Roslina Redzuan Abu Hassan. 2018. Pemuliharaan Warisan Terpinggir: Menanggapi peranan medium sinema. *Jurnal Komunikasi* 32(1), 208-223.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah & Ab Samad Kechot. 2011. Akta Warisan Kebangsaan 2005: Tinjauan Sepintas Lalu. *Jurnal Melayu*, 8, 173-181.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff 2018. Pemuliharaan warisan budaya melalui perundangan warisan dan agensi pelaksana di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 17(2), 143-159.

- Norisah Pirin. 2017. *Perkembangan adat memuja semangat padi masyarakat Kadazandusun di Membakut, Sabah, 1960-2010* (Tesis Sarjana). Universiti Sains Malaysia.
- Rita Lasimbang & Emilda Evon. 2021. Kesusasteraan lisan bahasa kadazan: Seni Mananong, Humius, Monugandoi dan Magaagandai. *Prosiding Seminar Bahasa dan Budaya Etnik Malaysia 2021*, (hlm. 110-121).
- Steven Boliku. 2021. *Unduk Ngadau: tradisi dan Amalan Budaya Masyarakat Kadazandusun di Sabah*. Webinar Budaya sempena Hari Orang Asal Sedunia 2021. Anjuran Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah.
- Suraya Sintang. 2003. Penganut Agama Islam dan Kristian di kalangan masyarakat Kadazandusun di Sabah. *Jurnal Usuluddin* 18, 59-80.

Temu Bual (Dalam Talian)

- Bobohizan Adam M. Gontusan. (22 November 2025). Penampang, Sabah.
- Pengerusi Sugandoi Peringkat Kebangsaan. (2 November 2024). Evaristus Gungkit. Kota Kinabalu, Sabah.

Biodata penulis :

Peter Haryson Nianti merupakan Siswazah (Sarjana Falsafah) di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang Pengurusan Seni dan Persembahan. Beliau yang merupakan Pegawai Kebudayaan di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya menumpukan kajian terhadap aspek kepercayaan, ritual dan warisan budaya.

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff (PhD) adalah Pensyarah Kanan Sosiobudaya dan Pengajian Warisan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian beliau tertumpu pada masyarakat dan budaya Melayu, muzium, warisan tidak ketara dan folklor.